



PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA
PEJABAT WILAYAH SEMENANJUNG

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 221001 (Pembersihan Bangunan)** dan **Kod Bidang 221002 (Pembersihan Kawasan)** serta masih sah pendaftarannya untuk menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA: CAAM.PWS.400-5/8/23

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENCUCI BANGUNAN TERMASUK MEMOTONG RUMPUT, PENYELENGGARAAN LANDSKAP SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN PENTADBIRAN DAN MENARA KAWALAN TRAFIK UDARA CIVIL AVIATION AUTHORITY OF MALAYSIA [CAAM] SERTA POTONG RUMPUT DI KUATERS DAN DI KAWASAN ALAT PANDU ARAH DVOR DI LAPANGAN TERBANG SULTAN MAHMUD, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN BAGI TEMPOH DUA PULUH EMPAT (24) BULAN

TARIKH MULA TAWARAN : 27/03/2024 (Rabu)
TARIKH TUTUP TAWARAN : 14/04/2024 (Ahad) Jam 12.00 Tengahari
TARIKH TAKLIMAT : 02/04/2024 (Selasa) Jam 08.30 Pagi
ALAMAT TAKLIMAT : Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia [CAAM],
Lapangan Terbang Sultan Mahmud, 21300
Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.
SYARAT WAJIB SEBUT HARGA : Wajib Hadir Taklimat & Lawatan Tapak

1. Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan pada masa dan Tarikh seperti dinyatakan di atas. Hanya **satu (1) wakil** syarikat dibenarkan untuk membuat lawatan tapak pada satu-satu masa dan tertakluk kepada kebenaran daripada pihak CAAM. Selaras dengan PPP PK2.1 Perenggan 8.12 (viii), hanya Pegawai/Pekerja yang diluluskan oleh Syarikat untuk Pengurusan Perolehan Kerajaan di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil PUKONSA, Sijil UPKJ boleh menghadiri lawatan tapak/premis atau sesi taklimat sebut harga. **Pembekal TIDAK BOLEH mewakilkan pegawai lain.** Pembekal dikehendaki membawa sijil pendaftaran syarikat (MOF), cop rasmi syarikat dan kad perniagaan. Kegagalan mengesahkan kehadiran akan menyebabkan Pembekal tidak layak menyertai sebut harga ini.
2. Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini boleh mendapatkan borang sebut harga semasa taklimat dan lawatan tapak diadakan.
3. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikemukakan secara **MANUAL** dengan memasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** seperti alamat di bawah **SEBELUM** jam 12.00 tengahari pada **14 APRIL 2024 (AHAD)**.

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM),
Lapangan Terbang Sultan Mahmud,
16100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:
En Mohd Najib b Tukiman : +60183991960 / najib@caam.gov.my